

PETIKAN TITAH

"KITA juga penuh yakin bahawa sektor swasta akan bersedia untuk memainkan peranan lebih besar serta bersikap proaktif dengan meneroka dan merebut peluang-peluang yang ada ke arah

**MANISNYA IMAN**

"DARIPADA Abdullah bin Omar Radiallahuanhuma, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Jika seseorang daripada kamu hendak pergi bersembahyang Jumaat, maka

Rabu

15 Jun, 2005
8 Jamadilawal, 1426
Tahun 50 Bilangan 24

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Melirik Masa Silam](#)[Aneka Rencana](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Surat Pembaca](#)[Bicara IT](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Menjana Kesihatan](#)[Biskita](#)[Pendidikan](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Jawatan](#)[Kosong](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

ROYAL College of Obstetric and Gynaecology, London telah mengiktiraf Jabatan Obstetrik & Ginekologi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebagai pusat latihan bagi mendapatkan kelulusan kepakaran dalam bidang obstetrik dan ginekologi. Pengiktirafan itu

membolehkan doktor-doktor lepasan ijazah pertama (MBBS atau MBChB) menjalani latihan dalam bidang obstetrik dan ginekologi di Jabatan Obstetrik dan Ginekologi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha tanpa ke luar negeri. Mereka akan menjalani latihan kepakaran dengan cara bekerja sambil belajar mengikut kurikulum kursus yang telah disediakan oleh Royal College of Obstetric and Gynaecology, London. - Sumber: FOKUS KESIHATAN, Bilangan 92, Mac/ April 2004. Negara Brunei Darussalam: Kementerian Kesihatan (2004:12). />

Pelita Brunei Online
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Alamat e-mail:
[Pelita Brunei](mailto:pelita@brunei.gov.bn)

HALUAN

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifudeien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sidang Akhbar bersama dengan Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir Putin bertempat di Red Room, Grand Kremlin Palace, Moscow, Russia pada 7 Jun 2005.

RUSSIA MEMAINKAN PERANAN DALAM HAL-EHWAL SERANTAU

TUAN Presiden, tuan-tuan dan puan-puan daripada akhbar.

Terima kasih Tuan Presiden, di atas ucapan tadi. Ianya adalah satu penghormatan dan beta sangat gembira untuk berada di sini.

Beta ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Presiden dan kerajaan Tuan Presiden terhadap atur cara yang rapi yang telah disediakan untuk lawatan beta dan beta ingin mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada rakyat Russia kerana sambutan yang sangat menggalakkan yang telah diberikan kepada beta. Beta sangat berterima kasih dan merasa dihormati.

Beta juga mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana berada di sini. Beta maklum bahawa biskita semua adalah sangat sibuk membuat laporan terhadap hal-ehwal negara yang besar ini dan beta sangat menghargai terhadap liputan yang telah diberikan terhadap lawatan beta ke negara ini.

Beta maklum bahawa rakyat di Negara Brunei Darussalam juga menghargai perkara ini. Mereka melihat perkara ini sebagai satu tanda yang jelas terhadap persahabatan yang dikongsi bersama oleh negara kami yang kecil dan negara yang besar ini.

Kita memang sangat menghormati Presiden Putin sejak ia datang dan tinggal di negara kami ketika Sidang Kemuncak APEC. Hubungan yang telah diwujudkan sejak di sepanjang tahun 1990-an ini diperkukuhkan lagi kedua-duanya secara dua hala dan juga dengan rakan-rakan di Asia Tenggara dalam ASEAN.

Seperti yang telah beta titahkan kepada Tuan Presiden, kita semua mengalu-alukan sumbangan yang Tuan Presiden dan kerajaan Tuan Presiden sumbangkan dalam pembangunan rantau kita, juga terhadap kestabilan dan perdamaian dalam Asia seluruhnya. Salah satu tujuan lawatan beta ini ialah untuk mengesahkan lagi peranan yang sangat penting yang kami lihat bagi Russia dalam memainkan peranannya dalam hal-ehwal serantau kita. Sekarang ianya meliputi seluruh ruang lingkup kerjasama antarabangsa moden.

Di Negara Brunei Darussalam, kita khususnya sangat gembira untuk mendapat peluang berkongsi pandangan dengan sebuah negara anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap keselamatan, bukan sahaja dalam rantau kami tetapi juga seluruh dunia. Kita berminat untuk membincangkan perkara yang kami percayai perspektifnya yang meluas dan mendalam.

Ini, kami percaya, memerlukan kami untuk menimbang keselamatan dalam erti kata yang menyeluruh. Kita melihat perkara tersebut sebagai satu faktor yang positif dalam penghidupan seharian rakyat negara kami. Dengan itu kami meletakkan nilai yang sangat tinggi terhadap jenis kestabilan yang menggalakkan keluarga kami dan masyarakat kami memiliki keyakinan diri di masa akan datang.

Kami juga maklum bahawa masa depan ini adalah dalam ancaman, sama ada secara dalaman atau luaran. Memiliki keyakinan, kami merasa, adalah tersedia melalui saling faham-memahami yang lebih baik antara orang, saling kenal-mengenal dan menghormati, saling menghargai kepelbagaian kemanusiaan dan berkongsi pengalaman dan kepakaran antara satu dengan yang lain.

Inilah semangat perbincangan yang beta dan Tuan Presiden Putin bincangkan pada pagi tadi iaitu mengenai semua isu yang timbul dalam pertahanan dan keselamatan. Beta merasa kami telah melangkah selangkah ke hadapan dalam pengukuhan hubungan negara kami dalam bidang kerjasama yang sangat penting ini.

Sememangnya, bukan itu sahaja yang telah kami bincangkan.

Ketika kita melihat hal-ehwal serantau dan antarabangsa, kita juga menimbang perkara lain, lebih khusus, iaitu aspek kerjasama dua hala. Kita melihat khususnya mencari jalan yang boleh di mana kerajaan dan rakyat Russia mungkin boleh menyertai kami dalam tugas terpenting utama kami di negara kami.

Perkara tersebut ialah usaha kami untuk mempelbagaikan ekonomi kami dari terlalu bersandarkan kepada industri minyak dan gas. Dalam hubungan ini, kami melihat dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Seperti yang beta titahkan, perkara yang terpenting bagi kami itu sedang dalam peringkat dimajukan. Kami sangat-sangat mengalu-alukan peluang untuk bekerjasama rapat dengan Russia.

Untuk keseluruhannya, beta sangat gembira dengan perbincangan kami pagi ini seperti gembiranya beta untuk berada di sini di Moscow. Beta juga mengalu-alukan bagi lebih banyak peluang untuk melawat kami pada bila-bila masa mereka terluang.

Perkara yang sama juga ditujukan kepada biskita, tuan-tuan dan puan-puan dari akhbar.

Beta mengucapkan terima kasih kerana datang ke sini pada pagi ini dan beta juga ingin mengulangi perkara yang sama kepada biskita. Biskita semua adalah dialu-alukan untuk datang bila-bila masa ada masa terluang.

Sekali lagi, Tuan Presiden, terima kasih beta secara peribadi terhadap persahabatan dan kesudian Tuan Presiden dan penghargaan yang tidak terhingga kepada rakyat negara tua yang besar ini kerana mengalu-alukan keberangkatan beta.

Terima kasih.